

# PruBSN AnugerahMax Perlindungan Maksimum Lebih Mampu Milik



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Perlindungan Maksimum untuk Ketenangan Sepanjang Hayat



## Memperkenalkan PruBSN AnugerahMax


Nikmati perlindungan sepanjang hayat yang merangkumi perlindungan perubatan menyeluruh termasuk hospitalisasi, perlindungan penyakit kritikal, perlindungan kemalangan serta fleksibiliti yang hebat dan pilihan untuk mengubah suai pelan anda dengan 19 manfaat tambahan, pada kadar sumbangan yang tiada tandingan.

Kerana perlindungan anda begitu berharga, PruBSN AnugerahMax memastikan anda mendapatkan perlindungan maksimum dengan nilai yang lebih mampu milik.



# PruBSN AnugerahMax

## Perlindungan Maksimum Melangkaui Batas




Kematian dan Kehilangan Upaya



Perubatan dan Hospitalisasi



Penyakit Kritikal



Kemalangan



Dan banyak lagi!

### Kelebihan PruBSN AnugerahMax



#### Perlindungan Mampu Milik

Pilih perlindungan yang diperlukan bersesuaian dengan bajet daripada serendah RM50 sebulan.



#### Pelan yang Boleh Diubah Suai

Dapatkan plan takaful asas atau yang komprehensif. Ubah suai perlindungan anda dengan pelbagai pilihan dan manfaat untuk dipilih.



#### Manfaat Melangkaui Perlindungan

Nikmati manfaat tambahan dengan Bonus EduAchieve untuk kecemerlangan akademik anak anda, peluang pelaburan serta membantu golongan miskin dalam komuniti dengan menderma untuk perlindungan mikrotakaful mereka.



#### Perlindungan Maksimum

Maksimumkan tempoh perlindungan anda dengan plan lanjutan automatik sehingga umur 100#.

*#Tertakluk kepada terma dan syarat. Perlindungan plan (kecuali Crisis TotalCare, jika dilampirkan) akan berlanjutan sehingga umur 100 tahun atau sehingga tempoh perlindungan maksimum setiap manfaat, yang mana lebih awal, dengan syarat terdapat nilai tunai yang mencukupi untuk penolakan Tabarru` dan caj-caj lain. Sumbangan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan nilai tunai mencukupi sehingga akhir tempoh lanjutan.*

# Perlindungan Perubatan & Hospitalisasi

Dapatkan perlindungan menyeluruh dengan **Medic TotalCare**, pelan perubatan komprehensif dan moden yang merangkumi manfaat hospitalisasi dan pelbagai rawatan perubatan untuk memenuhi keperluan anda, termasuk perlindungan kanser yang ekstensif, rawatan perubatan yang canggih, dan penjagaan kesihatan mental.

**Medic TotalCare** adalah rider perubatan yang memberikan fleksibiliti dengan pelbagai pilihan, termasuk pilihan jenis bilik dan penginapan hospital, pilihan bayaran bersama serta pilihan kadar sumbangan, bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda.

Anda juga boleh memilih untuk meningkatkan had perlindungan anda dengan rider **Medic BoostCare** yang menyediakan had tahunan tambahan sebanyak RM1,000,000 setiap tahun, dan had seumur hidup berganda untuk Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, serta banyak lagi.

Jika anda mencari pelan perlindungan perubatan yang lebih minimum, anda boleh memilih **Medik Asas**, pelan perubatan yang memberi tumpuan kepada perlindungan asas yang penting dengan manfaat istimewa untuk warga emas dan rawatan di hospital kerajaan.

Perlindungan perubatan komprehensif dan moden

**Medic TotalCare**

Pelan:

150 200 250 300 400

Struktur Sumbangan:

Berubah setiap 3 tahun (Bertingkat) / Tetap

*Untuk info lanjut, sila rujuk brosur PruBSN Damai*

Perlindungan perubatan asas yang penting

**Medik Asas**

Pelan:

150

Struktur Sumbangan:

Berubah setiap 3 tahun (Bertingkat)

*Untuk info lanjut, sila rujuk brosur Medik Asas*



Pilihan Tambahan:

**Rider Medic BoostCare** untuk maksimumkan perlindungan dengan had tahunan tambahan sebanyak RM1,000,000



# Perlindungan Penyakit Kritikal

Persiapkan diri untuk menghadapi sebarang cabaran dengan **Crisis TotalCare**, plan perlindungan penyakit kritikal komprehensif dari tahap awal hingga tahap akhir serta tambahan keadaan istimewa melindungi sejumlah 166 keadaan.

Sebagai alternatif, dapatkan perlindungan untuk penyakit kritikal tahap akhir dengan **Crisis Protector/Crisis Shield**, atau pilih perlindungan berfokuskan penyakit kanser dengan **Cancer Protector**.



## PruBSN AnugerahMax

### Perlindungan Maksimum **Melangkaui Batas**

#### Crisis TotalCare

Perlindungan penyakit kritikal dari tahap awal hingga tahap akhir

Merangkumi sejumlah 166 keadaan

Melindungi keadaan istimewa seperti kesihatan mental, dan yang berkaitan dengan diabetes dan sendi

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur PruBSN Sinar

#### Crisis Protector / Crisis Shield

Perlindungan penyakit kritikal tahap akhir

Merangkumi sejumlah 43 keadaan

Pembayaran manfaat Crisis Protector tidak mengurangkan jumlah perlindungan asas. Manakala pembayaran manfaat Crisis Shield akan mengurangkan jumlah perlindungan asas

#### Cancer Protector

Perlindungan penyakit kanser dari tahap awal hingga tahap akhir

Perlindungan kanser tahap awal termasuk perlindungan untuk Karsinoma In-Situ, Kanser Prostat Awal, Kanser Pundi Kencing Awal dan Leukemia Limfositik Kronik Awal

# Ubah Suai **Perlindungan Anda**

Teguhkan perlindungan anda dengan pelbagai pilihan manfaat tambahan:

## Perubatan

Dapatkan perlindungan menyeluruh dengan pakej perubatan moden yang merangkumi rawatan perubatan teknologi maju dan rawatan kesihatan mental apabila anda memiliki:

- **Medic TotalCare**

Tingkatkan perlindungan perubatan anda dengan melampirkan **Medic BoostCare** untuk menikmati faedah tambahan dan dapatkan ganjaran apabila kekal sihat dengan Ganjaran Kesihatan Tanpa Tuntutan\*\*.

*\*\*Hanya terpakai untuk Pelan 300 & Pelan 400 sahaja.*

Mencari perlindungan perubatan yang lebih asas? Hanya lindungi yang penting dengan:

- **Medik Asas**

## Penyakit Kritikal

Nikmati ketenangan fikiran dengan perlindungan komprehensif untuk penyakit kritikal daripada tahap awal hingga tahap akhir serta keadaan istimewa tambahan lain yang melindungi sejumlah 166 keadaan dengan:

- **Crisis TotalCare**

Lapangkan fikiran dan fokus kepada pemulihan apabila anda menerima satu jumlah sekaligus setelah anda didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 43 penyakit kritikal sekiranya anda memiliki:

- **Crisis Protector** - pembayaran manfaat tidak menjejaskan jumlah perlindungan asas
- **Crisis Shield** - pembayaran manfaat mengurangkan jumlah perlindungan asas

Anda akan menerima satu jumlah sekaligus setelah anda didiagnosis menghidap Kanser tahap awal dan Kanser sekiranya anda memiliki:

- **Cancer Protector**

## Kemalangan

Dapatkan perlindungan kematian akibat kemalangan, kehilangan upaya dan/atau berkaitan kemalangan dengan:

- **Accidental Protector Plus** – menyediakan manfaat bayaran sekali gus
- **Accidental Medical Protector** – menyediakan bayaran balik kos perubatan

## Pendapatan

Terima bayaran tahunan setelah anda didiagnosis menghidap penyakit kritikal atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) sebelum mencapai usia 70 tahun dengan:

- **Income Protector**

Anda akan menerima pembayaran pada tarikh ulang tahun tuntutan sehingga umur tamat tempoh atau kematian, yang mana yang lebih awal.

## Legasi

Memastikan anak anda terpelihara sekiranya berlaku perkara yang tidak diduga kepada anda sekiranya anda memiliki:

- **Parent Term**

## Contributor

Manfaat-manfaat berikut akan membantu membayar sumbangan anda sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD atau penyakit kritikal kepada anda atau ahli keluarga yang dilindungi:

- **Contributor Protect**
- **Contributor Parent Saver**
- **Contributor Saver**
- **Contributor Spouse Protect**
- **Contributor Parent Protect**
- **Contributor Spouse Saver**

Jika lebih daripada satu manfaat *Contributor* dicetuskan pada masa yang sama, Dana *Tabarru`* bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, malah satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi manfaat *Contributor* yang terlibat akan diperuntukkan sebanyak 100% ke dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) sijil untuk meningkatkan nilai dana anda.

## Simpanan & Pelaburan

Pupuk amalan suka menabung secara tetap dengan **Takaful Saver** untuk meningkatkan nilai tunai dengan potensi pulangan.

Sumbangan anda akan dilaburkan ke dalam dana-dana berkaitan pelaburan patuh Syariah yang anda pilih. Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, sila rujuk [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

## Menderma melalui Ihsan

**Ihsan** membolehkan anda membantu mereka yang kurang bernasib baik melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariyah.

PruBSN Microtakaful Jariyah adalah salah satu inisiatif PruBSN yang menyediakan perlindungan takaful kepada keluarga miskin dan miskin tegar yang layak.



# Ciri-ciri Utama Produk

## Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh perlindungan, kami akan membayar mana yang lebih tinggi daripada:

- Jumlah Perlindungan Asas; atau
- Jumlah amaun dalam Akaun Khas Individu (ISA); berserta sebarang baki unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA).

## Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Sekiranya berlaku TPD sebelum tamat tempoh perlindungan atau umur 70 tahun, yang mana lebih awal, kami akan membayar Jumlah Risiko (*Sum At Risk*).

Jumlah Risiko adalah jumlah yang melebihi Jumlah Perlindungan Asas daripada baki ISA (jika ada).

## Bonus EduAchieve<sup>^</sup>

Bonus tunai akan dibayar di atas kecemerlangan akademik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga peringkat Sarjana atau PhD.

Bonus EduAchieve hanya untuk orang yang dilindungi yang menyertai pelan dari umur 1 hingga 18 tahun.

## Umur Kemasukan

Umur 1 tahun - 70 tahun

## Jumlah Perlindungan Asas (BSC)

- Minimum: RM10,000
- Maksimum: Tertakluk kepada pengunderaitan

## Tempoh Perlindungan

- Pilih untuk dilindungi selama 5, 10, 20 tahun atau sehingga berumur 70, 80, 90 atau 100 tahun.
- Pelanjutan perlindungan automatik sehingga umur 100 tahun hanya terpakai jika tempoh perlindungan yang dipilih adalah 20 tahun atau sehingga umur 70, 80, atau 90 tahun.
- Pelanjutan perlindungan automatik tidak terpakai untuk rider Crisis TotalCare.

*Nota: Untuk tempoh perlindungan 10 tahun atau sehingga umur 70 tahun, umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun. Untuk tempoh perlindungan 20 tahun, umur kemasukan maksimum adalah 50 tahun.*

## Sumbangan

Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh perlindungan. Sumbangan ini adalah bergantung pada pilihan jumlah perlindungan asas, manfaat pilihan, tempoh manfaat dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan). Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, umur tamat tempoh, dan keadaan kesihatan (jika berkenaan).



# Caj & Penolakan

## Caj Wakalah Pendahuluan

Merangkumi komisen, perbelanjaan berkaitan pengagihan, dan perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan sumbangan yang dibayar dan untuk tempoh pembayaran sumbangan selama 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh pembayaran sumbangan kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7 - 10	>10
PruBSN AnugerahMax dan rider*	75%	60%	40%	35%	20%	20%	10%	0%
Takaful Saver	5% setiap tahun							

\*Caj Wakalah Pendahuluan di atas tidak terpakai untuk rider Medic TotalCare, Medik Asas, Ihsan dan Takaful Saver. Untuk Caj Wakalah Pendahuluan Medic TotalCare dan Medik Asas, sila rujuk risalah PruBSN Damai dan Medik Asas.

## Caj Sijil Wakalah

Caj pentadbiran sijil anda. Caj Sijil Wakalah akan berbeza bergantung kepada kaedah pembayaran sumbangan:

Kekerapan Sumbangan	Kaedah Pembayaran Sumbangan	
	Kaedah Pembayaran Berulang	Kaedah Pembayaran Tidak Berulang (cth. Tunai/Cek)
Bulanan	RM7	RM13
Suku Tahunan	RM21	RM39
Setengah Tahunan	RM42	RM78
Tahunan	RM84	RM156

## Penolakan Tabarru`

Penolakan *Tabarru`* dipotong setiap bulan daripada Akaun Khas Individu (ISA) anda ke dalam Dana *Tabarru`* untuk perlindungan takaful anda. Penolakan *Tabarru`* untuk perlindungan takaful adalah berbeza mengikut Umur pada Hari Jadi akan Datang, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan, dan Jumlah Risiko (yang mana berkenaan). Penolakan *Tabarru`* akan meningkat secara umumnya apabila umur anda meningkat.

Penolakan *Tabarru`* merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta mengikut aturan *Ta`awun*. Ini berkaitan dengan bahagian sumbangan peserta dalam Dana *Tabarru`* semasa tempoh perlindungan. Penolakan *Tabarru`* daripada peserta ditempatkan dan dikumpulkan dalam dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta. Dana ini digunakan untuk membayar semua tuntutan sesuai dengan manfaat yang dipersetujui di bawah pelan berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama. Kami boleh menyemak semula penolakan *Tabarru`* pada bila-bila masa tertakluk pada pemberitahuan kepada peserta.

Caj-caj berikut akan dikenakan jika anda melampirkan Takaful Saver atau melakukan Penambahan Sumbangan Tunggal.

### Caj Wakalah Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan secara harian dari nilai Akaun Unit Pelaburan (IUA) anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Helaian Fakta Dana.

Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Wakalah Pengurusan Aset
Takafulink Dana Aktif	1.50% p.a.
Takafulink Dana Asia	1.50% p.a.
Takafulink Dana Dinamik	1.25% p.a.
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% p.a.
Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% p.a.
Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% p.a.
Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% p.a.
Takafulink Dana ESG Global	1.50% p.a.
Takafulink Dana Sukuk	0.50% p.a.
Takafulink Dana Urus	1.30% p.a.

### Caj Wakalah Penambahan Sumbangan Tunggal

Setiap penambahan sumbangan tunggal akan dikenakan caj sebanyak 5%. Selain itu, terdapat caj tambahan sebanyak RM25 untuk setiap penambahan sumbangan.

### Caj Wakalah Penukaran Dana

4 pertukaran percuma dibenarkan untuk IUA setiap tahun. Sebarang tukar ganti seterusnya dalam tempoh satu tahun akan dikenakan caj tukar ganti yang ditetapkan pada 1% daripada jumlah yang ditukar ganti (tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50).

### Caj Wakalah Pengeluaran Separa

Caj sebanyak RM25 akan dikenakan untuk setiap permohonan.

*Nota: Caj tambahan sebanyak RM25 untuk Penambahan Sumbangan Tunggal, Caj Wakalah Pengeluaran Separa, dan Caj Wakalah Penukaran Dana kini dikecualikan sehingga transaksi elektronik tersedia. Selepas itu, permohonan secara manual melalui cawangan akan dikenakan bayaran yang dinyatakan.*

# Nota-Nota Penting

1. Brosur ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan manfaat tambahannya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
2. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar jumlah sumbangan.
3. Pulangan daripada ISA dan IUA anda (jika berkenaan), jika ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ianya tidak dijamin.
4. Risiko pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.
5. **PruBSN AnugerahMax** adalah berdasarkan perjanjian pertolongan bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
6. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, manakala PruBSN akan menerima bakinya sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, selaras dengan konsep *Mudarabah*, kerugian tersebut akan ditanggung oleh anda dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya kami.
7. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama-sama dengan peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebih tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian lebih agihan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Amaun agihan lebih sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
8. Rider-rider Contributor akan membayar jumlah sumbangan apabila berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga anda, jika berkenaan, semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya berlaku semakan kepada sumbangan atau caj-caj yang menjejaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai ISA dan IUA kekal mampan sepanjang tempoh sijil.
9. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada ia memenuhi keperluan anda. Sekiranya sijil dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan baki amaun dalam ISA anda, nilai unit IUA anda (jika ada) yang telah diperuntukkan kepada nilai unit pada tarikh penilaian berikutnya, Sumbangan Ihsan anda, dan sebarang Caj Sijil *Wakalah*, Penolakan *Tabarru`*, dan Caj *Wakalah* pendahuluan yang telah dipotong, selepas penolakan kos perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk dibayar.

10. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan memperolehi nilai penuh daripada jumlah yang telah dibayar kepada PruBSN. Setelah menyerahkan sijil, kesemua manfaat di dalam sijil akan ditamatkan.
11. Jika anda berhenti atau terlepas membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan terbatal sekiranya amaun dalam ISA dan/atau IUA tidak mencukupi untuk membayar Penolakan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
12. **PruBSN AnugerahMax** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
13. Kadar sumbangan dan *Tabarru`* serta caj-caj lain tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula kadar sumbangan, kadar *Tabarru`* dan/atau caj lain, dengan memberi notis bertulis selama 90 hari dan 30 hari untuk manfaat perubatan dan penyakit kritikal kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat peningkatan kepada kadar *Tabarru`*, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
14. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan pelan lain atau daripada satu pembekal yang lain, anda mungkin akan tertakluk kepada pengunderaitan baharu dan tempoh menunggu untuk pelan baharu tersebut.
15. Sebarang rujukan umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
16. Untuk **PruBSN AnugerahMax**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
17. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

*Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat bagi manfaat tambahan boleh didapati di *Illustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk* yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.*



# Pengecualian

**PruBSN AnugerahMax** tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
  - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
  - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi;
  - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya;
  - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa;
  - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas;
  - vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi; atau
  - vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan kesan komplikas dari sisanya, bagi Sijil atau Lampiran yang diluluskan semasa Orang yang Dilindungi masih berada dalam kandungan atau sebelum Orang yang Dilindungi mencecah usia 14 tahun.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# Apakah Itu Takaful?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti  
**“Jaminan bersama” atau menjamin antara satu sama lain.**

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat **tiga (3) aspek** persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

**Pertolongan  
Bersama**

**Perlindungan  
Bersama  
Daripada Kerugian**

**Tanggungjawab  
Bersama**

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip “*Ta`awun*”

**(kerjasama / pertolongan bersama)**

di mana penglibatan penyertaannya adalah

***Tabarru`at* (kebajikan).**

# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL

PruBSN AnugerahMax adalah produk berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

 03 2775 7188

 [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



SMS PruBSN dan hantarkan ke 33080



[www.facebook.com/prubsn](http://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

**Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.**

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan September 2024.*